
Titik Kelemahan Umat



Sheikh Dr. Mustafa al-Siba'i
Diterjemah oleh Syazwan Hakim

impress

Titik *Kelemahan* Umat

Sheikh Dr. Mustafa al-Siba'i

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS
2025

Diterbitkan

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor
Email ikrammudapusat@gmail.com
Tajuk Titik Kelemahan Umat
Karya Asal *Nahḍatunā Bayna al-Aṣālah wa al-Taba'iyyah & Matā Nasuddu Hādhihi al-Thaghrah*
Penulis Sheikh Dr. Mustafa bin Husni al-Siba'i
Penterjemah Syazwan Hakim
Penyunting Usaid Asmadi
Pembaca Pruf Nazurah Mansor
Reka Kulit Nawal Irdina
Reka Letak Abu Haura'

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

[Catatan Editor]
E-book ini menghimpunkan dua makalah Dr. Mustafa al-Siba'i dan kami berikan tajuk Titik Kelemahan Umat berdasarkan mesej utama daripada makalah-makalah berkenaan.

PROFIL PENULIS



Dr. Mustafa al-Siba'i (1915–1964)

Latar Belakang & Keluarga

Sheikh Dr. Mustafa bin Husni al-Siba'i merupakan salah seorang ulama, pemikir dan pejuang terkemuka abad ke-20 dari Syria. Beliau dilahirkan pada tahun 1915 di kota Homs, Syria. Susur galur beliau berasal daripada keturunan keluarga ulama berwibawa yang telah lama mengisi posisi khatib dari generasi ke generasi di Masjid Agung Homs. Ayah beliau, Sheikh Husni al-Sibā'ī, terkenal dengan semangat nasional dan perlawanan menentang penjajah Perancis.

Pendidikan & Awal Kerjaya

Beliau mula menghafal al-Quran dan belajar ilmu agama sejak kecil. Setelah menamatkan sekolah menengah di Homs pada 1930, beliau meneruskan pengajian ke Universiti al-Azhar, Kaherah pada 1933 dan memperoleh Ph.D. dalam bidang Syariah pada 1949. Beliau ialah warga Syria pertama yang meraih gelaran doktor falsafah dalam bidang ini dari Universiti al-Azhar.

Perjuangan & Peranan Politik

Semasa di Mesir, beliau ditahan oleh pihak British kerana menyokong demonstrasi pelajar melawan penjajah dan terlibat dalam peperangan menentang penjajahan di Iraq dan Palestin. Beliau telah dipenjara dalam tempoh yang singkat dan dipindahkan ke Palestin sebelum dibebaskan.

Pada 1941, beliau menubuhkan gerakan belia paramiliter "Shabab Muhammad" yang terinspirasi daripada Ikhwan Muslimin di Mesir.

Pada 1945 bersama dengan para aktivis dakwah, beliau memimpin penubuhan dan menjadi Muraqib Am (Pemimpin Tertinggi) Ikhwan Muslimin Pertama Syria bagi menegakkan dakwah & seruan politik berasaskan semangat anti-kolonialisme tanpa menggunakan

kekerasan.

Beliau pernah menjadi ahli parlimen Syria dari tahun 1949 hingga 1954. Beliau telah berperanan menyuarakan Islam sebagai sistem sosial dan keadilan dengan pendekatan rasional dan wasatiyah.

Pemikiran & Karya Utama

Buku terkenalnya *Ishtirakiyyat al-Islam* (Sosialisme Islam) (1959) memperlihatkan bagaimana prinsip Islam yang berpegang kepada nilai-nilai keadilan sosial, kesejahteraan umat (maslahah), hak individu dan masyarakat selari dengan sebahagian kecil prinsip sosialisme.

Karya penting lain termasuk *Al-Din wa al-Dawlah fi al-Islam* (Konsep Agama dan Negara di dalam Islam) (1954) serta kitab refleksi dan pendidikan seperti *Hakaza Alamatni al-Hayat* (Demikian Kehidupan Mendidikku) dan *Some Glorious Aspects of Islamic Civilisation* (Kegemilangan Tamadun Islam).

Akhir Hayat

Pada 1957 beliau diserang strok (hemiparesis) dan mengalami kelumpuhan separuh badan. Walaupun begitu, beliau terus produktif menulis sehingga ke akhir hayat.

Selepas pembentukan Republik Arab Bersatu pada tahun 1958, Ikhwan Muslimin Syria telah disekat di bawah rejim Jamal Abd Nasser. Selepas keruntuhan Republik Arab Bersatu pada tahun 1961, beliau menyokong kerajaan baru Syria. Namun rejim Parti Baath telah mengambil alih pada tahun 1963 dan akhirnya menyekat aktiviti Ikhwan Muslimin serta mengharamkan karya beliau.

Dr. Mustafa meninggal pada 3 Oktober 1964 di Syria pada usia 49 tahun.

KEBANGKITAN UMAT: DI ANTARA PENGEKALAN IDENTITI DAN PENJAJAHAN BUDAYA

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

هَا أَنتُمْ هَٰؤُلَاءِ تُدْعَوْنَ لِتُنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنكُم مَّن يَبْخَلُ ۖ وَمَن يَبْخَلْ فَإِنَّمَا يَبْخَلُ عَن نَّفْسِهِ ۚ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنتُمُ الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِن تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَالَكُم (38)

Maksudnya: (Ingatlah), kalian diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kalian pada jalan Allah, maka ada di antara kalian yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kalian semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadaNya dalam segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma), ia akan menggantikan kalian dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan menjadi seperti kalian. (Surah Muhammad: 38)

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta seluruh umat yang berjuang menegakkan risalah kebenaran ini hingga ke hari pembalasan.

Dengan penuh rasa rendah diri, saya mempersembahkan terjemahan artikel bertajuk "Kebangkitan Umat: Di Antara Pengekalan Identiti dan Penjajahan Budaya", hasil pena almarhum Sheikh Dr. Mustafa al-Siba'i yang merupakan seorang tokoh pemikir Islam dan pejuang ummah yang cukup berpengaruh dalam abad ke-20. Artikel ini berasal daripada editorial yang diterbitkan dalam *Majalah Hadarah al-Islam* (Majalah Peradaban Islam) bilangan keempat pada bulan Jamadil Akhir 1383 Hijrah (bersamaan Oktober 1963 Masihi).

Artikel yang ringkas ini amat berharga untuk direnungi terutamanya dalam suasana dunia Islam yang terus berdepan pelbagai cabaran identiti dan hegemoni budaya asing. Dr. Mustafa al-Siba'i menegaskan bahawa bangsa yang benar-benar mahu bangkit dan maju tidak boleh sekadar hanya meniru atau menurut secara membuta tuli. Sebaliknya harus mengambil apa yang baik dari luar dengan penuh sedar agar dapat mempertahankan akar budaya dan prinsip agama sendiri. Sikap selektif dan kritis inilah yang menjadi rahsia kekuatan peradaban Islam sejak zaman awal penyebarannya dan kekal relevan sebagai panduan menghadapi gelombang

globalisasi dan penjajahan budaya hari ini.

Saya berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan roh, nada, dan gaya bahasa asal penulis ketika menerjemah artikel ini, sambil memastikan ia mudah difahami oleh khalayak pembaca Melayu. Sebarang kekurangan dalam terjemahan ini adalah kelemahan saya sendiri, manakala segala yang baik dan bermanfaat adalah anugerah Allah jua.

Akhirul kalam, terima kasih diucapkan kepada semua pihak terutamanya kepada pihak IMPRESS yang memberi sokongan dan dorongan.

Semoga terjemahan ini dapat menjadi bahan renungan, penguat semangat, dan panduan buat seluruh umat Islam dalam memelihara jati diri serta menilai secara kritis segala pengaruh dari luar.

Sekian,

Wallāhu waliyyu al-tawfīq

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Kundang Ulu, Tangkak, Johor
Ogos 2025 M/ Safar 1447H

KEBANGKITAN UMAT: DI ANTARA PENGEKALAN IDENTITI DAN PENJAJAHAN BUDAYA

Dr. Mustafa Sibaie

Antara sunnatullah ialah setiap bangsa yang sedang bangkit pasti akan mengambil manfaat daripada pengalaman bangsa-bangsa terdahulu. Mereka akan menelusuri jejak langkah bangsa-bangsa yang terdahulu dalam pelbagai bidang ilmu sama ada dalam bidang industri, ekonomi dan sebagainya. Namun begitu, bagi sesebuah bangsa yang mempunyai nilai peribadi tersendiri dan bangga dengan warisan peradabannya seperti bangsa kita, kita tidak akan rela untuk cair dalam identiti bangsa-bangsa yang kuat dan tidak akan menurut sahaja segala aspek kehidupan serta cara hidup mereka. Setiap bangsa mempunyai corak pemikiran dan persekitaran yang tersendiri. Ada kalanya ia sama dengan kita dan ada kalanya ia berbeza dengan yang lain. Belum lagi jika dilihat pada warisan peradaban

dan undang-undang yang dimiliki oleh mereka.

Bangsa yang mempunyai maruah dan harga diri tidak akan membiarkan diri mereka meniru bangsa lain secara bulat-bulat bagaikan burung kakak tua tanpa mengambil manfaat sebenar daripada khazanah dan peradabannya sendiri.

Umat seperti bangsa kita yang sedang berada dalam fasa kebangkitan ini memang perlu mengambil manfaat tetapi tidak hanyut. Kita mengambilnya tetapi tidak meminta-minta, memerhatinya tetapi tidak terpesona secara membuta tuli. Inilah cara bangsa yang benar-benar mahu bangkit dan terus hidup berhubung dengan jejak-jejak terdahulu daripada kalangan datuk nenek kita dan generasi lampau.

Tatkala kita – umat Islam – keluar dari Semenanjung Tanah Arab, kita diajar oleh Islam untuk membebaskan dunia daripada penyembahan berhala, kejahilan dan kemunduran. Kita pernah berhadapan dengan dua tamadun agung dalam sejarah dunia iaitu Rom dan Parsi. Islam tidak pernah menghalang kita mengambil manfaat daripada ilmu dan budaya mereka. Tetapi ketika kita mengambil manfaat tersebut, kita tetap dalam keadaan bertauhid dan tidak menyembah berhala. Kita tidak pernah menyerap sastera, puisi, atau falsafah yang bersifat paganisme. Segala unsur paganisme dari tamadun lain tidak diterima oleh kita. Malah, kita tidak

pernah cenderung ke arah tersebut dan ia sama sekali ia tidak mendatangkan apa-apa mudarat.

Apa yang kita bawa bersama cahaya tauhid inilah yang menjadikan kita sanggup mengorbankan jiwa dan darah demi menyampaikan ajaran ini kepada seluruh dunia. Kita sanggup meninggalkan tanah air, isteri dan anak-anak. Sesungguhnya kita benar-benar telah membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada kemanusiaan sejagat apabila mengambil dan meninggalkan sesuatu dengan penuh kesedaran. Tiada kebaikan untuk umat manusia jika setelah kedatangan Islam bersama bimbingan dan ajaran tauhidnya, masih bermaharajalela paganisme dan khurafat yang sesat.

Tatkala Eropah terjaga daripada tidurnya pada zaman pertengahan, mereka dikejutkan oleh kemegahan tamadun kita dan disinari dengan mentari ilmu pengetahuan yang kita bawa. Oleh itu, mereka memilih untuk mengambil ilmu dan falsafah dari kita, namun tidak mengambil adab dan agama kita. Kalaulah mereka mengambil adab dan agama kita ketika itu, pasti umat manusia terlepas daripada kesengsaraan dan kegelapan selama berabad-abad lamanya.

Sekurang-kurangnya, sebagai tanda kesetiaan dan penghargaan terhadap bangsa yang kita banggakan, kita tidak boleh memadamkan segala apa yang ada padanya dari segi akidah, warisan, dan undang-undang

hanya kerana kita terpesona dengan sistem dari luar. Apatah lagi sistem yang belum tentu dapat berfungsi dengan baik di tempat asalnya, lagi-lagi di tanah air kita sendiri.

Antara keanehan zaman moden ini adalah ketika ilmu pengetahuan dan budaya berada di puncaknya dan manusia telah menemui banyak rahsia alam semesta, kita masih menyaksikan kejahilan yang luar biasa terhadap Islam dan sistemnya. Bukan hanya di Barat dan Timur, bahkan di negara-negara Islam sendiri. Ramai yang tahu tentang segala perkara dan perincian orang lain, tetapi tidak tahu apa-apa tentang tamadun dan akidah bangsa mereka sendiri.

Kalau kejahilan itu berlaku kerana faktor sejarah yang berada di luar kemampuan manusia, ia boleh dimaafkan. Tetapi bagaimana pula dengan mereka yang sengaja mengabaikannya? Padahal ia tidak membawa apa-apa manfaat kepada bangsa atau umat manusia yang sangat memerlukan cahaya hidayah yang kita miliki.

Jika sistem yang diamalkan oleh Islam mampu mengagumkan para orientalis Barat khususnya dalam aspek penyelesaian masalah sosial dan ekonomi, bukankah menjadi perkara yang aneh jika masih ada dalam kalangan kita yang memperlekehkan sistem ini atas alasan ia tidak sesuai dengan kemajuan zaman dan perkembangan manusia?

Kami yakin dan sejarah pasti akan membuktikannya bahawa setiap tindakan yang meminggirkan Islam pada zaman ini adalah hasil kerja daripada kejahilan atau konspirasi. Kedua-duanya langsung tidak membawa kemuliaan kepada pelakunya dan umat ini tidak akan memaafkan perbuatan tersebut. Sejarah akan menulis mereka sebagai golongan yang paling tercela kerana tiada satu agama pun di muka bumi ini yang dapat menyelesaikan masalah hidup seperti Islam dan tiada satu pun akhlak yang mampu menyebarkan kedamaian dan keharmonian dalam kalangan manusia seperti akhlak Islam. Mereka yang mengabaikan agama dan akhlak ini sebenarnya tidak berhak untuk terus hidup.

QR Code Makalah Asal
Nahḍatunā Bayna al-Aṣālah wa al-Taba'iyyah



BILAKAH KITA DAPAT
MENUTUP KELEMAHAN INI?

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu, dan kuatkanlah kesabaranmu, dan tetaplah bersiap-siaga (di perbatasan negerimu), dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beruntung." (Surah Ali 'Imran: 200)

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para keluarga, sahabat dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga ke hari kiamat.

Terjemahan ini lahir dari kesedaran mendalam tentang keperluan umat Islam untuk sentiasa berwaspada terhadap cabaran dan konspirasi yang dihadapi oleh

agama ini sepanjang zaman. Sejarah membuktikan bahawa Islam bukan sekadar agama ibadah semata-mata, bahkan merupakan cara hidup dan satu peradaban yang sentiasa menjadi sasaran serangan pelbagai pihak sama ada dalam bentuk fizikal, intelektual mahupun psikologi.

Dr. Mustafa al-Siba'i, seorang pemikir dan sejarawan terkemuka abad ke-20, telah merakamkan hakikat ini dengan tuntas dalam tulisannya "Bilakah Kita Dapat Menutup Kelemahan Ini?" yang diterbitkan dalam Majalah Ḥaḍārat al-Islām pada tahun 1383 Hijrah. Beliau dengan berani membangkitkan isu kelalaian dan kealpaan umat ketika berdepan dengan muslihat perancangan musuh-musuh Islam di samping menegaskan kepentingan mempertahankan sunnah sebagai tonggak kekuatan intelektual dan spiritual umat.

Sebagai penterjemah, saya melihat artikel ini bukan sekadar paparan sejarah, tetapi sebagai seruan untuk membina ketahanan minda dan sikap berjaga-jaga dalam kalangan generasi Muslim hari ini. Terjemahan ini diusahakan agar dapat dinikmati dan difahami dengan mudah tanpa menghilangkan ketajaman makna serta semangat asal penulis.

Akhirul kalam, terima kasih diucapkan kepada semua pihak terutamanya kepada pihak IMPRESS yang

memberi sokongan dan dorongan.

Semoga karya terjemahan ini menjadi pencetus kesedaran, sumber inspirasi dan pedoman buat kita semua dalam menghadapi cabaran zaman yang semakin mencabar. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati segala usaha ini, dan menjadikan kita umat yang sentiasa peka serta beristiqamah dalam mempertahankan agama, maruah serta warisan kita.

Sekian,

Wallāhu waliyyu al-tawfīq

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Kundang Ulu, Tangkak, Johor
Ogos 2025 M/ Safar 1447H

BILAKAH KITA DAPAT MENUTUP KELEMAHAN INI?

Sesiapa yang meneliti sejarah Islam pasti akan dapat melihat satu fenomena yang amat jelas, iaitu Islam sentiasa berdepan dengan pelbagai serangan dari pelbagai sudut yang bertujuan untuk menghapuskannya. Agama ini difitnah dan dialihkan perhatian umat Islam daripadanya.

Serangan-serangan yang disasarkan oleh musuh-musuh Islam terkenal dengan perancangan rapi dan tipu muslihat yang tepat dan terancang. Manakala umat Islam pula, mereka sering dihinggapi dengan sikap polos dan lalai ketika berhadapan dengan konspirasi-konspirasi dari musuh. Bahkan umat Islam hanya mampu memberi reaksi defensif secara spontan tanpa persiapan awal mahupun melakukan serangan balas yang terancang. Kalaulah bukan kerana Islam adalah agama Allah yang telah dijamin pemeliharaannya, nescaya sebahagian daripada konspirasi musuh-musuhnya pun

sudah memadai untuk menghapus dan menghilangkan jejak agama ini dari muka bumi.

Sudah jelas bahawa konspirasi permusuhan terhadap Islam sentiasa berubah-ubah mengikut zaman dengan rupa bentuk yang berbeza-beza. Ketika umat Islam kuat, serangan yang dilakukan berbentuk pemusnahan pemikiran, akhlak, dan sosial. Apabila umat Islam menjadi lemah, serangan itu berubah menjadi peperangan, pakatan ketenteraan, pembunuhan, dan pemusnahan. Jika peperangan gagal mencapai matlamatnya, maka ia akan bertukar menjadi serangan pemikiran yang licik. Ia mempesonakan dan menipu akal yang leka.

Lalu akan muncul dari dalam kalangan umat Islam sendiri bibit-bibit penyelewengan yang sedikit demi sedikit menjauhkan umat dari akidah Islam yang murni dan merdeka. Penyelewengan ini terus tersebar sehingga sampai kepada suatu tahap munculnya akidah dan pemikiran asing yang diingini oleh musuh-musuh Islam dalam keadaan mereka dilihat tiada kaitan secara langsung dengan usaha menghancurkan agama ini.

Salah satu contoh paling jelas adalah bagaimana mereka membina keraguan terhadap sumber hadis-hadis Nabi SAW yang sahih. Sumber ini telah menjadi pasak keagungan fiqh Islam yang merupakan suatu warisan agung. Tiada satu bangsa di dunia pun memiliki walau

satu persepuluh daripadanya. Inilah model utama usaha yang dilakukan musuh-musuh Islam sejak dahulu hingga kini. Konspirasi ini telah berjaya menyusup ke dalam pemikiran sebahagian kelompok Islam sama ada di masa lalu mahupun hari ini. Tidak syak lagi, ini adalah satu konspirasi nyata oleh para orientalis Yahudi dan teolog Kristian fanatik yang begitu bersungguh-sungguh mendorong agenda ini dalam setiap karya mereka. Malah, jabatan pengajian Islam di universiti-universiti Barat mengarahkan para siswa Muslim untuk memberi fokus mendalam kepada isu ini serta melarang mana-mana mahasiswa memilih tajuk kajian yang bertujuan membantah tohmahan yang mereka lemparkan terhadap sunnah dan para perawinya.

Suatu ketika, ada seorang gadis Jerman muslim dan belajar di Jabatan Pengajian Islam Universiti Frankfurt telah menghubungi saya. Dia meminta saya mencadangkan rujukan yang dapat membantunya menyiapkan tesis universiti. Ketua jabatannya bersungguh-sungguh menuntut agar tajuk kajiannya berkenaan "Abu Hurairah" dengan menghamburkan segala tohmahan dan penipuan kepadanya. Hal ini sama seperti apa yang telah disebarkan oleh beberapa kelompok Islam yang bukan dari kalangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Antara perkara yang paling giat diketengahkan oleh para orientalis dalam beberapa persidangan ialah

perbahasan tentang sunnah dan wahyu kenabian. Mereka menuntut agar ia dinilai semula menurut "kaedah saintifik" (kononnya). Sebahagian mahasiswa mereka akhirnya terjebak hingga ke tahap menafikan wahyu sebagai sumber Islam. Bahkan menganggap Islam hanyalah idea-idea bersifat reformis dari Nabi Muhammad SAW!

Ketika ada sebilangan orang jahil dan angkuh menulis buku mengenai sunnah yang rumusannya meragui keseluruhan hadis-hadis nabawi sambil menabur kebencian melampau kepada para perawi terutamanya daripada kalangan sahabat seperti Abu Hurairah RA. Pihak penjajah segera menyambut baik buku itu dan mengedarkannya ke seluruh universiti di Barat.

Satu lagi contoh bagaimana telitinya konspirasi musuh-musuh Islam adalah apabila mereka mengeksploitasi perbalahan yang berlaku antara para sahabat berhubung soal khilafah ketika fasa awal sejarah Islam. Perbalahan seperti ini sebenarnya berlaku juga kepada mana-mana bangsa di setiap zaman. Tetapi kita tidak pernah lihat ada mana-mana pihak yang begitu obses dengan satu konflik dalaman sehingga empat belas abad lamanya!

Konspirasi ini bermula dari Yahudi licik bernama Abdullah bin Saba'. Kemudian diwarisi oleh para pemimpin Parsi penyembah berhala yang telah diselamatkan Islam daripada kezaliman dan kepercayaan

lama mereka. Namun, apabila mereka tewas di tangan tentera Islam yang membawa rahmat, mereka tidak dapat membalas dendam melainkan dengan mencemarkan nama baik dan sejarah umat Islam. Mereka menyebarkan berita palsu yang merendahkan martabat dan kemuliaan agama ini. Kemarahan umat Islam akhirnya tertumpah kepada semua bidang utama sebuah tamadun seperti keilmuan, kepimpinan serta pemerintahan. Pada era tamadun Islam terutamanya ketika para panglima tentera Islam membebaskan Iraq daripada cengkaman Parsi. Para pemimpin dan ulama telah menyebarkan ilmu dan syariat Islam. Mereka juga menunaikan amanah dengan penuh keikhlasan. Sikap ini tidak pernah dikenali oleh para pembenci umat Islam sama ada dari dalam sejarah bangsa mereka sendiri atau bangsa lain.

Inilah sebahagian contoh betapa berwaspadanya musuh-musuh kita ketika mereka merancang konspirasi terhadap umat, syariat dan sejarah kita dengan teliti. Masa yang sama kita sendiri alpa dan lalai. Kita sering terjebak dalam perangkap hawa nafsu dan emosi yang begitu mudah dikelola oleh musuh-musuh Islam pada setiap masa, mengikut rentak zaman dan memenuhi kepentingan mereka.

Jadi, sampai bilakah anak-anak bangsa umat ini akan terus alpa hingga bahaya itu benar-benar menimpa

kita dan melemahkan kekuatan untuk menghalang mudaratnya?!

QR Code Makalah Asal
Matā Nasuddu Hādhihi al-Thaghrah

